

07/10/2000

Sabah kaji pindahkan penghuni pulau

Johary Indan

KOTA KINABALU, Jumaat - Kerajaan negeri akan berbincang dengan Kerajaan Persekutuan berhubung kemungkinan memindahkan penghuni pulau di perairan Sabah yang terdedah kepada ancaman lanun dan penculikan.

Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam, berkata setakat ini kerajaan negeri belum dapat memberikan sebarang tindak balas terhadap cadangan Kementerian Pertahanan itu.

"Perkara ini memerlukan kajian secara menyeluruh kerana Sabah mempunyai pulau yang banyak. Selain itu, ada pulau yang didiami ramai penduduk," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat negeri di Tapak Tamu Korporasi Pembangunan Desa (KPD), Tanjung Lipat, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak mengenai kemungkinan memindahkan penghuni pulau di perairan Sabah yang terdedah kepada ancaman lanun dan penculikan.

Najib berkata, tindakan itu adalah satu daripada tiga langkah yang dicadangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam taklimat beliau dengan Kementerian Pertahanan, minggu lalu.

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan meninjau 94 pulau di Sabah yang berpenghuni, sama ada rakyat Malaysia atau pendatang tanpa izin (PTI) bagi memastikan tahap keselamatan pulau itu.

Osu berkata, cara hidup penghuni pulau harus diambil kira kerana apabila mereka diletakkan di kawasan tanah besar, sudah pasti sukar menjalani kehidupan seharian disebabkan suasana berbeza.

Katanya, pelbagai perkara harus dipertimbangkan sebelum kerajaan negeri boleh menyatakan pendirian berhubung cadangan itu.

Sehubungan itu, menurut beliau, kedua-dua kerajaan itu perlu berbincang secara terperinci setiap perkara terutama yang membabitkan penduduk di negeri ini sebelum sebarang persetujuan dicapai.

(END)